



MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berkeupayaan, berpengalaman dan berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** yang **masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh tutup tawaran** ini mengikut kod bidang seperti berikut :-

BIL	BUTIR – BUTIR TAWARAN & NO RUJUKAN	KELAYAKAN SYARIKAT (KOD BIDANG)	TARIKH BUKA	TARIKH & MASA TUTUP	HARGA DOKUMEN (RM)
1.	SEBUT HARGA PROJEK MEMBEKAL, MENAIK TARAF, MEMASANG DAN MENTAULIAH GUNA SISTEM AUDIO VISUAL DEWAN KAUNSELOR DI MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG MPM /SH / (JKP) 400-10/2/28	010302- Peralatan sistem bunyi, pembesar suara dan projektor (keutamaan diberi untuk kod bidang ini.) atau 210101 - Hardware (low end technology)- supply all types of computer hardware including PC, notebook, printer, document scanner, peripherals and maintenance	3.7.2019 (RABU)	11.7.2019 (KHAMIS) <u>MASA</u> 12.00 TENGAHARI	30.00

Dokumen tawaran akan dibuka semula seperti tarikh di atas pada waktu pejabat. Dokumen tawaran **TIDAK akan dibuka** selepas tempoh tersebut.

Penyebut Harga hendaklah berdaftar dengan Majlis Perbandaran Manjung terlebih dahulu sebagai pembekal di Jabatan Perbendaharaan. Dokumen tawaran hanya dijual kepada syarikat atau wakilnya yang sah sahaja yang menunjukkan **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) berserta satu salinan sijil tersebut dan Surat Wakil (bagi bukan pemegang asal sijil).**

Bagi pihak Pembekal yang berminat untuk membeli Dokumen Sebut Harga, lawatan ke tapak akan diadakan pada 4 Julai 2019 hari Khamis pukul 2.00 petang - 3.00 petang dan diminta terus ke Bahagian Teknologi Maklumat bagi tujuan tersebut. (Sila berhubung dengan Encik Nurul Hafizal bin Abdul Manap di talian 05-6898822 atau Encik Wahyu Hidayat bin Ahmad Shazali di talian 05-6898824)

Semua dokumen yang telah disempurnakan **hendaklah dimasukkan dalam satu (1) sampul surat besar** yang **berlakri** serta di alamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di **Kaunter Khidmat Pelanggan, Majlis Perbandaran Manjung** sebelum atau pada **11 Julai 2019** pukul **12.00** tengahari.

Penyebut harga juga diminta membekalkan dokumentasi dalam bentuk *softcopy* (CD / pendrive) untuk dokumen pengalaman dan dokumen-dokumen lain yang perlu diserahkan kepada Majlis.

Majlis Perbandaran Manjung tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tender setelah Peti Tender dibuka.

Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan.

Sila rujuk Laman Web : www.mpm.gov.my

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG,
PERAK DARUL RIDZUAN.**